



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Laporan Tahunan 20



Pengangkutan Mampan Nadi Pembangunan Negara
Sustainable Transport The Heart Of National Development

24



Laporan Tahunan 2024



Isi Kandungan

Perutusan Ketua
Setiausaha

01 Bahagian
Perolehan Dan Kewangan

Maklumat Korporat

02 Bahagian
Akaun

Carta Organisasi

03 Bahagian
Perancangan Strategik Antarabangsa

04 Bahagian
Maritim



05 Bahagian
Darat

09 Penasihat
Undang-undang

13 Bahagian
Khidmat
Pengurusan

06 Bahagian
Udara

10 Unit
Audit Dalam

14 Unit
Audit Dalam

07 Bahagian
Pembangunan

11 Unit
Integriti

08 Bahagian
Pengurusan
Maklumat

12 Pengurusan
Sumber Manusia



Perutusan Ketua Setiausaha

Salam Perpaduan & Salam Malaysia MADANI,

Tahun 2024 menyaksikan kemajuan berterusan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dalam memperkukuh sistem pengangkutan negara selaras dengan aspirasi **Malaysia MADANI**. Pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan, keselamatan dan kemampanan pengangkutan awam di seluruh negara.

Antara pencapaian utama ialah penjenamaan semula **Program Transformasi Bas Berhenti-Berhenti (SBST) kepada BAS.MY**, yang kini beroperasi di bandar-bandar utama seperti Kangar, Seremban, Ipoh, Kuala Terengganu, Johor Bahru dan Melaka dengan identiti baharu yang lebih mesra pengguna dan mampan.

Kerajaan komited mencapai sasaran **40% penggunaan pengangkutan awam menjelang 2030**, melalui peluasan rangkaian bas dan rel, pembangunan infrastruktur first-and-last mile, serta pelaksanaan sistem Bus Rapid Transit (BRT) dan Demand Responsive Transit (DRT) bagi mewujudkan sistem yang lebih efisien dan inklusif.

Menerusi Belanjawan 2025, sebanyak **RM750 juta** diperuntukkan untuk memperkukuh sektor pengangkutan awam, termasuk subsidi perkhidmatan rel, bas dan penerbangan seperti **My50, Mutiara Pas** serta perkhidmatan udara pedalaman di Sabah dan Sarawak.

Sebanyak **RM463 juta** turut disalurkan bagi mempertingkatkan keselamatan jalan raya, meliputi peluasan Special Bus Lanes, pelaksanaan DRT, pengenalan sistem **High Speed-Weigh in Motion (HS-WIM)** dan penambahbaikan **AWAS** bagi pemantauan kelajuan point-to-point.

Prasarana Malaysia Berhad mencatat purata **1.18 juta penumpang sehari pada tahun 2024**, peningkatan 24% berbanding tahun sebelumnya, hasil pelan transformasi berterusan yang dilaksanakan.

MOT juga berjaya menganjurkan **Program MADANI Rakyat di Pulau Pinang**, yang memperkukuh hubungan kementerian dengan rakyat serta mencerminkan penerapan nilai-nilai **Malaysia MADANI** dalam perkhidmatan awam.

Kementerian Pengangkutan akan terus melaksanakan dasar dan inisiatif bagi memperkukuh mobiliti lestari, keselamatan pengguna dan pembangunan ekonomi negara. Dengan sokongan semua pihak, MOT komited memacu sistem pengangkutan yang berdaya saing, moden dan inklusif selaras dengan semangat **Malaysia MADANI**.

DATO' SERI JANA SANTHIRAN MUNIYAN
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN.



Maklumat Korporat

VISI

Peneraju
transformasi sistem
pengangkutan
**bersepadu, efisien &
selamat**

MISI

Memperkasakan
sistem pengangkutan
berteraskan
teknologi sebagai
**pemangkin
pembangunan
negara**

MOTTO

**Pengangkutan
Mampan Nadi
Pembangunan
Negara**

Objektif

Memastikan pematuhan undang-undang dan peraturan secara telus dan berintegriti

Menentukan penyampaian perkhidmatan yang cekap, efisien dan selamat.

Meningkatkan daya saing dan pertumbuhan ekonomi Negara

Memperkasakan sektor logistik melalui rantai bekalan seamless

Menentukan sistem pengangkutan berteraskan teknologi hijau

Penglibatan secara aktif dan berpengaruh dalam organisasi antarabangsa

Fungsi

Menggubal & melaksanakan dasar - dasar pengangkutan darat, logistik, maritim & udara

Merancang & melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan darat, logistik, maritim & udara

Menerajui integrasi sistem pengangkutan kebangsaan yang holistik

Menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan pengangkutan bagi darat, logistik, maritim & udara

Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang berkaitan darat, logistik, maritim & udara

Menentukan kadar fi dan caj bagi perkhidmatan yang disediakan Kementerian

Mengawalselia pematuhan perundangan & piawaian perkhidmatan, keselamatan (service & safety standards)

Memudahcara urusan niaga bagi industri berkaitan darat, logistik, maritim & udara

Menerajui program kerjasama serantau & antarabangsa dalam bidang pengangkutan

Carta Organisasi Ketua-Ketua Bahagian

Kementerian Pengangkutan Malaysia

**TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN**

YB Datuk Haji Hasbi Bin Habibollah

**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)**

YBrs. Dr. Nor Fuad Bin Abdul Hamid
PTD Utama B (M)

**BHG. PEROLEHAN & KEWANGAN**

Guna Arulalan a/l Krishta @ David
PTD Utama C

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

YM Raja Saera binti Raja Musa
Gred 12 (T) (KUP)

**BHG. PEMBANGUNAN**

Mohd Aidi Mohd Husain
PTD Utama C

**UNIT INTEGRITI**

KPKPj Zuber bin Hj. Zainal
Pegawai Siasatan P14

**BHG. PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**

Safina binti Mohamad Hamizin
PTD M14

**BHG. PENTADBIRAN**

Roslan bin Mohammad
PTD M14


**BHG. AKAUN**

Nor Azlina binti Junid
Akauntan JUSA C (KUP)

**BHG. PENGURUSAN MAKLUMAT**

Norizan binti Muhammad
PTM F14

**MENTERI PENGANGKUTAN****YB Loke Siew Fook****KETUA SETIAUSAHA****YBhg. Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan**
PTD Utama A / Turus III**UNIT PENASIHAT
UNDANG-UNDANG****Munirah binti Muhamed Padzil**
PUU L14**UNIT AUDIT DALAM****Sazlina binti Mat Isa**
Juruaudit W14**BIRO SIASATAN KEMALANGAN UDARA****Brigedier Jeneral Tan Chee Kee (TUDM)**
Ketua Inspektor Kemalangan Udara 14 (T)**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR)****YBhg. Dato' Normah binti Osman**
PTD Utama B**BHG. PERANCANGAN
STRATEGIK & ANTARABANGSA****Dr. Siti Muhaza binti Sh. Zainal**
PTD Utama C**BHG. DARAT****Dato' Mohamed Irwan bin Mansor**
PTD Utama C**BHG. MARITIM****Siva Sangar a/I Krisnan**
Gred Utama C (T)**BHG. UDARA****Mohamad Radzuan bin Mazlan**
PTD Utama C



01



Bahagian Perolehan Dan Kewangan

Bahagian Perolehan Dan Kewangan

Bahagian Perolehan dan Kewangan (BPK) Kementerian Pengangkutan telah melalui penstrukturan semula pada 1 Mac 2021 bagi memperkukuh pengurusan belanjawan, kewangan dan perolehan Kementerian, serta agensi-agensi di bawahnya. BPK turut mengurus pembayaran dan pelaksanaan perolehan, serta bertindak sebagai urus setia mesyuarat seperti LP dan JKSH.

Selaras dengan objektif untuk menyediakan sokongan perkhidmatan yang cekap dan berkesan, MOT mencatatkan prestasi cemerlang pada tahun 2024 dengan kadar perbelanjaan mengurus sebanyak 99.13% daripada peruntukan RM1.64 bilion. Pecahan prestasi tersebut boleh dirujuk pada carta pai.

Penerbitan Buku Arahan Pegawai Pengawal Bilangan 2 – Garis Panduan Pengurusan Kewangan – 14 Disember 2024, Hotel Sama-Sama

BPK telah menerbitkan Buku Arahan Pegawai Pengawal Bilangan 2 – Garis Panduan Pengurusan Kewangan sebagai panduan pelaksanaan kewangan yang lebih jelas dan teratur di MOT. Buku ini telah dilancarkan oleh YB Menteri Pengangkutan semasa Mesyuarat Perancangan Strategik Pengurusan Tertinggi MOT pada 14 Disember 2024 di Hotel Sama-Sama sebagai langkah proaktif memperkukuh tadbir urus kewangan kementerian.

Prestasi 100% Pembayaran Bil Dan Tuntutan Dalam Tempoh (7) Hari Sepanjang Tahun 2024

BPK turut berjaya mengekalkan prestasi 100% pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari sepanjang tahun 2024. Atas pencapaian ini, sijil penghargaan telah disampaikan oleh YBhg. Dato' KSU kepada YBrs. Tuan Guna Arulalan David, Setiausaha Bahagian dalam satu majlis ringkas bersama warga BPK. Komitmen untuk mengekalkan prestasi cemerlang ini akan diteruskan pada masa hadapan.



Pelaksanaan Bengkel Pengurusan Strategik Dan Penetapan Hala Tuju Bahagian Perolehan Dan Kewangan Tahun 2025 – 28 Hingga 30 Jun 2024, Felda Residence Hot Springs, Sungkai, Perak


Bengkel Pengurusan Strategik dan Penetapan Hala Tuju BPK 2025 telah berlangsung pada 28 hingga 30 Jun 2024 di Felda Residence Hot Springs, Sungkai, Perak dengan penyertaan seramai 30 orang pegawai dan kakitangan. Bengkel ini berjaya merumus hala tuju, menetapkan KPI dan takwim tahunan BPK bagi 2025, selain memperkukuh strategi dalam menghadapi cabaran semasa selaras dengan aspirasi Pengurusan Tertinggi MOT.

Pelaksanaan Bengkel Modul Perolehan Secara Sebut Harga Dan Tender Bagi Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan Melalui Sistem Eperolehan (Ep) – 28 Dan 29 Februari 2024, Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya

Bengkel Modul Perolehan Secara Sebut Harga dan Tender melalui Sistem ePerolehan (eP) telah diadakan pada 28 dan 29 Februari 2024 di Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya dengan penyertaan seramai 60 orang pegawai di pelbagai agensi di bawah MOT. Bengkel ini bertujuan meningkatkan kefahaman tatacara perolehan, pematuhan kepada pekeliling semasa dan penguasaan terhadap PK 2.1 dan 5.1. Peserta bengkel ini turut membincangkan isu-isu berkaitan pelaksanaan perolehan secara lebih teratur.

Pelaksanaan Kursus Perancangan Belanjawan Berkesan Tahun 2024 Kementerian Pengangkutan Malaysia – 27 Hingga 29 Oktober 2024, Hotel Acapella Suite, Shah Alam

Kursus Perancangan Belanjawan Berkesan Tahun 2024 MOT telah diadakan dengan penyertaan seramai 47 orang peserta daripada pelbagai bahagian, jabatan dan agensi di bawah MOT. Kursus ini mendedahkan pegawai-pegawai baharu kepada tadbir urus belanjawan untuk memperkukuh pengetahuan mereka berkenaan amalan terbaik pengurusan bajet, serta membantu merangka hala tuju pendigitalan bajet MOT bagi tahun 2026. Kursus ini turut menjadi platform untuk mendapatkan maklum balas berkaitan pelaksanaan Bajet 2024 dan penilaian awal bagi Bajet 2025.



02



Bahagian Akaun

Bahagian Akaun

1. Objektif Bahagian Akaun

Bahagian Akaun (BA) berfungsi sebagai Pejabat Perakaunan Kementerian yang bertanggungjawab mengurus segala urusan perakaunan dan kewangan, selaras dengan garis panduan dan pemantauan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Bahagian ini memainkan peranan penting dalam memastikan penyediaan maklumat kewangan yang tepat, lengkap dan disampaikan tepat pada masanya bagi menjamin akauntabiliti dan ketelusan pengurusan kewangan Kerajaan. Antara inisiatif utama yang dilaksanakan oleh BA ialah menyediakan khidmat perundingan teknikal, memantau proses pembayaran dan tuntutan, mematuhi peraturan kewangan semasa, serta melaksanakan program latihan dan bimbingan pengurusan perakaunan bersama Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Kementerian.



2. Program Utama Dan Pencapaian Sepanjang Tahun

2.1 Prestasi Hasil Kementerian

Pada tahun 2024, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah mencatatkan jumlah hasil keseluruhan sebanyak RM6.39 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM5.44 bilion atau 85.16% merupakan Hasil Bukan Cukai, manakala baki 14.84% merupakan Terimaan Bukan Hasil. Pecahan komposisi dan analisis trend kutipan hasil ini boleh dirujuk dalam Carta 1 dan Carta 2.

2.2 Prestasi Perbelanjaan Kementerian

Pada tahun 2024, jumlah Perbelanjaan Menguruskan MOT adalah sebanyak RM1.627 bilion. Perbelanjaan ini meliputi beberapa komponen utama seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, pembelian aset, serta pemberian dan kenaan tetap. Komponen tertinggi adalah pemberian dan kenaan tetap sebanyak 40%, diikuti oleh emolumen (37%), perkhidmatan dan bekalan (22%), dan pembelian aset (1%).

MOT telah mencatatkan jumlah Perbelanjaan Pembangunan sebanyak RM4.09 bilion sepanjang tahun tersebut. Butiran lanjut berkenaan agihan dan trend perbelanjaan boleh dirujuk dalam Carta 3.

2.3 Prestasi Pembayaran Bil dan Tuntutan

Sepanjang tahun 2024, MOT telah mencapai tahap pematuhan penuh (100%) terhadap pelaksanaan pembayaran bil dalam tempoh 14 hari yang melibatkan 95,339 jenis bil. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 98.6% berjaya diselesaikan dalam tempoh 1 hingga 7 hari, manakala baki 1.4% dibayar dalam lingkungan 8 hingga 14 hari. Prestasi ini mencerminkan kecekapan pengurusan kewangan dan komitmen MOT dalam memastikan kelancaran urusan pembayaran. Sila rujuk Carta 4 untuk maklumat lanjut.

2.4 Prestasi Akaun Amanah

Sehingga ke akhir tahun 2024, MOT menyelia empat akaun amanah dengan jumlah keseluruhan baki akhir yang direkodkan adalah sebanyak RM351 juta. Perincian lanjut bagi setiap akaun amanah boleh dirujuk dalam Jadual 1.

2.5 Prestasi Deposit

Sehingga 31 Disember 2024, jumlah keseluruhan baki deposit yang direkodkan oleh MOT adalah sebanyak RM192.67 juta. Maklumat terperinci berkenaan komposisi dan jenis deposit boleh dirujuk dalam Jadual 2.

2.6 Aset Hartanah, Loji dan Peralatan

Sehingga 31 Disember 2024, baki aset hartanah, loji dan peralatan (PPE) milik MOT adalah berjumlah RM84.20 bilion. Bagi memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan rekod dalam penyata kewangan, aktiviti semakan serta pengesahan fizikal aset dilaksanakan secara berperingkat, seperti yang tertera dalam. Sila rujuk Carta 5 untuk maklumat lanjut.

2.7 Perakaunan Pengurusan

MOT turut melaksanakan beberapa inisiatif penambahbaikan pengurusan kewangan, termasuk Analisis Penyata Kewangan, Penilaian Risiko, dan Pengekasan. Dua laporan SMART telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan sebagai sebahagian daripada usaha menilai prestasi kewangan secara menyeluruh.

Di samping itu, sesi libat urus zon telah dilaksanakan bersama 10 Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi menilai skor keberkesanan output dan tahap kecekapan kos perbelanjaan. MOT turut menerbitkan *Integrated Reporting 2023* (Laporan Bersepadu 2023) yang menyediakan gambaran menyeluruh berkenaan prestasi, strategi dan tadbir urus Kementerian secara holistik.

2.8 Naziran Khas Aset Tak Alih

Naziran Khas terhadap aset tanah dan bangunan telah dilaksanakan secara menyeluruh di semua PTJ mengikut arahan ANM. Semakan ini disempurnakan pada 15 Ogos 2024 bagi memastikan nilai aset diperakaunkan secara tepat dan mengikut piawaian. Sila rujuk Jadual 3 untuk maklumat lanjut.

2.9 Perundingan dan Khidmat Nasihat Perakaunan

Lima siri latihan bagi memperkukuh pengetahuan dan kemahiran perakaunan telah dilaksanakan bersama 162 peserta daripada PTJ di bawah MOT. Sila rujuk Jadual 4 untuk maklumat lanjut.

2.10 Pengurusan Aduan Pelanggan

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 216 aduan telah diterima, iaitu 162 aduan berkaitan sistem iGFMS (isu capaian, token, e-vendor dan teknikal) dan 54 aduan berkaitan khidmat nasihat pengurusan kewangan dan perakaunan.

2.11 Penutupan Akaun Akhir Tahun Kewangan

Taklimat berkaitan penutupan akaun akhir tahun telah diadakan pada 22 November 2024 di Dewan Serbaguna MOT. Taklimat ini bertujuan memberi panduan kepada semua PTJ berhubung pengurusan bayaran, panjar, aset, gaji dan terimaan.


2.12 Penyata Kewangan Tahun 2024



Penyata kewangan berasaskan akruan bagi tahun 2024 telah dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) untuk penyatuan pada 11 April 2025.

Carta 1 Peratusan Kutipan Hasil MOT Mengikut Jenis Terimaan Bagi Tahun 2024



Carta 2 Analisis Trend Hasil MOT Bagi Tempoh Lima (5) Tahun



Carta 3 Jumlah Perbelanjaan Mengurus MOT Bagi Tahun 2024**Carta 4** Prestasi Pembayaran Bil MOT Dalam Tempoh 14 Hari Tahun 2024


Jadual 1 Baki Akaun Amanah MOT Pada 31 Disember 2024

BIL.	PERIHAL AMANAH	BAKI KEMAS KINI (RM JUTA)
1.	Kumpulan Wang Dius Api	301.63
2.	Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut	25.68
3.	Akaun Amanah Institut Latihan Pengangkutan Laut	1.56
4.	Akaun Amanah Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia	22.79
JUMLAH KESELURUHAN		351.66

Jadual 2 Baki Akaun Deposit MOT Mengikut Jenis Deposit pada 31 Disember 2024

BIL.	PERIHAL AMANAH	BAKI KEMAS KINI (RM JUTA)
1.	Deposit Kuarters Kerajaan	0.05
2.	Deposit Cagaran Sewa Bangunan	0.67
3.	Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	191.87
4.	Deposit Cagaran Kantin	0.03
5.	Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal	0.05
JUMLAH KESELURUHAN		192.67

Carta 5 Kedudukan Aset MOT Seperti Pada 31 Disember 2024



Jadual 3 Laporan Data Aset Bersih Naziran Khas Semakan Aset Tak Alih Tanah dan Bangunan

BIL.	NAMA PTJ	BIL. ID ASET TANAH	BIL. ID ASET BANGUNAN
1.	Bahagian Kewangan, MOT	20	30
2.	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)	7	42
3.	Jabatan Laut Malaysia (JLM)	28	77
4.	Bahagian Pembangunan, MOT	-	1
5.	Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah	-	2
JUMLAH		55	152

Jadual 4 Senarai Kursus Tahun 2024



Kursus Perakaunan iGFMS Siri 1 -

Taklimat SPANM Bil 5 Tahun 2023
Tatacara Pengurusan Bayaran Bagi
Pusat Tanggungjawab (PTJ) Di Bawah
Kementerian Pengangkutan Malaysia



Kursus Perakaunan Akruan Siri 2 -

MPSAS 17 (HLP) dan 31 (Aset Tak Ketara)



Kursus Perakaunan Siri 3 -

*Sistem Integrated Audit Report And
Feedback Management (iAREF)*



Kursus Perakaunan 4 -

Sistem Pengurusan Kewangan Dan
Perakaunan Kerajaan (iGFMS), Modul
Akaun Terimaan (AR)



Kursus Perakaunan Siri 5 -


Taklimat Surat Pekeliling Akauntan
Negara Malaysia (SPANM), Bil. 1 Tahun
2023 Tatacara Pengurusan Akaun
Deposit Di Kementerian Pengangkutan



Kursus Berkaitan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 4, Tahun 2024 -

Tatacara Pengurusan Perakaunan dan
Kewangan Selaras Dengan Penyusunan
Semula Kementerian dan Garis Panduan
Akauntan Negara Malaysia (GPANM) Bil.
1, Tahun 2024 - Pelaksanaan Arahan
Perbendaharaan (AP) 299 Resit Rasmi
dan Borang Seumpamanya Yang Belum
Digunakan dan Usang





03



Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa

Bahagian Perancangan Strategik Dan Antarabangsa

Audit Aksesibiliti Perkhidmatan Pengangkutan Awam

Kementerian Pengangkutan Malaysia, selaku Jawatankuasa Pengangkutan di bawah Majlis Kebangsaan Kementerian Pengangkutan Malaysia, selaku Jawatankuasa Pengangkutan di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) telah melaksanakan sesi audit aksesibiliti tahun 2024 di beberapa hab pengangkutan awam. Antara hab terbabit termasuklah Stesen KTM Padang Besar, Terminal Sentral Kuantan, Lapangan Terbang dan MASWings Sibu, serta Stesen LRT Chan Sow Lin. Audit ini melibatkan penyertaan panel daripada persatuan OKU fizikal dan penglihatan bagi memastikan penilaian yang menyeluruh dan berfokus. Antara cadangan penambahbaikan yang dikemukakan termasuklah penyediaan parkir dan laluan khas dengan kemudahan tanjakan (ramp), sistem taktil atau sentuh (tactile), mesin tiket layan diri yang mesra OKU, sistem kecemasan khusus, pembukaan semula kaunter perkhidmatan khas dan pemberian lanyard pengenalan OKU. Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan Kementerian dalam memperkukuh aksesibiliti pengangkutan awam yang inklusif dan mesra OKU.



Stesen KTM Padang Besar (Julai 2024)



Terminal Sentral Kuantan (19 Ogos)



Lapangan Terbang dan MASWings SibU (26 Ogos)



Stesen LRT Chan Sow Lin (29 Ogos)

Bengkel Pemantauan Dan Semakan Pelan Pelaksanaan Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 (DPN2030)

Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa (BPSA), Kementerian Pengangkutan telah menganjurkan Bengkel Pemantauan dan Semakan Pelan Pelaksanaan Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 (DPN2030) pada 23-24 September 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Bengkel ini menghimpunkan agensi-agensi pelaksana di bawah MOT, serta kementerian dan agensi luar berkaitan bagi tujuan libat urus awal penyediaan Kajian Separuh Penggal (Mid-term Review) DPN2030. Fokus bengkel ini adalah untuk menyemak keberkesanan pelaksanaan pelan sedia ada, mengenal pasti isu serta cabaran semasa, dan mengemas kini status pelaksanaan selaras dengan perkembangan semasa dalam sektor pengangkutan negara.

Ucapan perasmian oleh
YBhg. Dato' Normah Osman, TKSU (D)

Sesi bergambar bersama peserta

Retreat Pengurusan Tertinggi MOT 2024

Mesyuarat Strategik Pengurusan Tertinggi Kementerian Pengangkutan (Retreat MOT) merupakan acara tahunan yang menghimpunkan YB Menteri, YB Timbalan Menteri, barisan pengurusan tertinggi Kementerian, jabatan dan agensi di bawah MOT. Tujuan utama mesyuarat ini adalah untuk menetapkan hala tuju strategik Kementerian selaras dengan amanat YB Menteri dan dasar semasa Kerajaan, di samping memperkukuh semangat berpasukan dan kefahaman bersama dalam kalangan pengurusan tertinggi.

Retreat MOT telah berjaya dilaksanakan pada 13 hingga 15 Disember 2024 di Hotel Sama-Sama KLIA, Sepang. Sebanyak enam (6) fokus utama telah dikenal pasti sebagai teras kepada Inisiatif Strategik MOT bagi tahun 2025, iaitu:

1. Kemampanan dan Kelestarian
2. Keselamatan Jalan Raya
3. Ketersambungan, Kebolehcapaian dan Kebolehpercayaan
4. Pendigitalan dan Aplikasi Kecerdasan Buatan (AI)
5. Penjanaan Hasil
6. Pembudayaan Pengangkutan Awam




Sesi pembentangan inisiatif strategik oleh bahagian, jabatan dan agensi MOT

Sebanyak 188 inisiatif daripada sektor Darat, Maritim, Udara, Logistik, BPSA dan Pengurusan telah dibentangkan dan dipersetujui sebagai pelan tindakan strategik bagi tahun 2025.

Dalam ucapan penutup, YB Menteri merakamkan penghargaan atas komitmen seluruh warga MOT dalam melaksanakan dasar dan inisiatif sepanjang tahun 2024. Beliau turut menekankan kepentingan kerjasama menyeluruh antara semua bahagian, jabatan dan agensi bagi memastikan kejayaan pelaksanaan inisiatif strategik yang berteraskan kepentingan rakyat.



Sesi bergambar YB Menteri Pengangkutan bersama Pengurusan Tertinggi MOT



04



Bahagian Maritim

Bahagian Maritim

Bahagian Maritim (BM) merupakan salah satu bahagian di bawah Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) yang bertanggungjawab merangka, serta memantau pelaksanaan dasar sektor maritim dan pelabuhan negara. BM terdiri daripada lima (5) unit utama iaitu Unit Pelabuhan, Unit Keselamatan Maritim, Unit Ekonomi Maritim, Unit Konvensyen Antarabangsa dan Unit Perkapalan Dalam Negeri.

Bahagian ini turut disokong oleh Pejabat Atase Maritim di London yang menyelaras penglibatan Malaysia dalam mesyuarat *International Maritime Organization* (IMO) (Organisasi Maritim Antarabangsa). Setiap unit memainkan peranan penting dalam meneliti isu dasar, perundangan dan pendirian negara di peringkat nasional dan antarabangsa dalam bidang maritim.





Seatrade Cruise Global 2024

Pada 8–11 April 2024, YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan telah mengetuai delegasi Malaysia ke *Seatrade Cruise Global 2024* di Miami, Amerika Syarikat. Persidangan pelayaran terbesar dunia ini telah menghimpunkan lebih 13,000 orang peserta dari 113 negara.


Persidangan ini turut disertai oleh Ketua Setiausaha MOT, YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan dan wakil agensi pelabuhan utama bagi memperkukuh promosi Malaysia sebagai destinasi pelayaran yang berdaya saing. Dalam sesi panel "*Bridging the North and South East Asia*", YB Menteri mengetengahkan potensi Asia sebagai pasaran pelayaran yang pesat membangun, sambil mempromosikan keupayaan pelabuhan Malaysia di pentas antarabangsa.

Malaysia Maritime Week 2024

Kementerian Pengangkutan Malaysia telah menganjurkan *Malaysia Maritime Week 2024* (MMW2024) atau Minggu Maritim Malaysia, dengan sokongan Jabatan Laut Malaysia dan kerjasama pihak Malaysia Shipowners' Association (MASA). MMW2024 telah berlangsung daripada 30 Julai hingga 1 Ogos 2024 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Program tahunan ini merupakan satu platform strategik yang menghimpunkan pemimpin industri, penggubal dasar, pakar maritim, serta wakil antarabangsa untuk berkongsi pandangan, amalan terbaik dan memperkukuh kerjasama dalam memajukan sektor maritim negara. Program ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia. Beliau menegaskan komitmen Kerajaan terhadap kemampanan maritim, pemerkasaan pelaut dan aspirasi menjadikan Malaysia sebagai negara maritim bertaraf global.



Selain pameran maritim, MMW2024 turut merangkumi sesi persidangan yang membincangkan pelbagai topik utama seperti keselamatan maritim, kelestarian, instrumen perundangan antarabangsa dan kepentingan Selat Melaka. Penyertaan agensi kerajaan, pemain industri, komuniti maritim dan wakil kedutaan asing memperlihatkan komitmen kolektif terhadap pembangunan sektor ini. MMW2024 juga menjadi medan mempromosikan teknologi dan inovasi, serta pencalonan Malaysia sebagai ahli Majlis IMO Kategori C bagi penggal 2026–2027.



05



Bahagian Darat

Bahagian Darat

Majlis Drop-In Span, Prime Ministers' Event (PME) Bagi Projek Rapid Transit System Link – 11 Januari 2024, Pier 47, Marine Viaduct, Tapak Projek RTS Link, Johor Bahru

Majlis *Drop-In Span, Prime Ministers' Event (PME)* (Majlis Perdana Menteri) bagi Projek RTS Link telah diadakan pada 11 Januari 2024 dengan kehadiran kedua-dua Perdana Menteri Malaysia dan Singapura sebagai simbol komitmen bersama terhadap projek strategik ini. Diselaraskan oleh Kementerian Pengangkutan kedua-dua negara, majlis ini menandakan kejayaan pemasangan konkrit bertetulang sepanjang 17.1 meter seberat 340 tan yang menghubungkan Pier 47 (Malaysia) dan Pier 48 (Singapura). Upacara ini turut menyaksikan penandatanganan plak peringatan oleh kedua-dua orang pemimpin. Projek RTS dijangka akan dapat mengurangkan kesesakan di Tambak Johor dengan kapasiti 10,000 penumpang sejam dan tempoh perjalanan sekitar 5-6 minit. Kerja-kerja pemasangan sistem rel akan bermula menjelang akhir 2024.



Sesi Libat Urus YAB Timbalan Perdana Menteri Bersama Persatuan Motosikal -22 Januari 2024, Dewan Serbaguna, MOT

Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Keselamatan dan Kesesakan Jalan Raya, serta menghadiri Sesi Libat Urus bersama Persatuan Motosikal Malaysia di Dewan Serbaguna Kementerian Pengangkutan. Sesi ini tertumpu pada isu keselamatan penunggang motosikal, selaras dengan sasaran PKJRM 2022-2030 untuk mengurangkan 50% kematian akibat nahas jalan raya menjelang 2030.



Sesi Libat Urus YB Menteri Pengangkutan Malaysia Bersama Editor Media – 16 Mei 2024, Hotel Royale Chulan Kuala Lumpur

Kementerian Pengangkutan, melalui JPJ, telah menganjurkan Sesi Libat Urus YB Menteri Pengangkutan bersama editor media, berserta Bengkel Kewartawanan bertemakan “Keselamatan Jalan Raya sebagai Isu Kesihatan Awam” di Hotel Royale Chulan Kuala Lumpur. Berdasarkan laporan PDRM pada tahun 2023, hampir 600,000 nahas jalan raya telah direkodkan, menjadikan sasaran pengurangan 50% kematian menjelang 2030 sebagai tanggungjawab bersama. Media memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej keselamatan kepada pengguna jalan raya dan mempengaruhi budaya pemanduan berhempah. Kementerian menyeru pengamal media untuk terus menyokong usaha meningkatkan kesedaran awam demi keselamatan bersama di jalan raya.



Mesyuarat 10th Rapid Transit System Bilateral Committee (RTSBC) Antara Malaysia Dan Singapura Bagi Projek RTS Link – 30 Mei 2024, Double Tree Hotel Johor Bahru

Mesyuarat ke-10 *Rapid Transit System Bilateral Committee* (RTSBC) merupakan platform kerjasama duahala antara Malaysia dan Singapura bagi memantau kemajuan Projek RTS Link yang menghubungkan Johor Bahru dan Woodlands. Mesyuarat ini membincangkan status pembangunan infrastruktur, isu teknikal, perundangan, pengurusan depot dan penghantaran tren pertama yang melibatkan agensi-agensi berkepentingan kedua-dua negara. Kedua-dua pihak mengesahkan projek berjalan mengikut perancangan dan komited untuk terus memperkukuh kerjasama. RTSBC ke-11 dijadualkan pada suku keempat 2025 sebagai kesinambungan ke arah pengoperasian RTS Link menjelang Disember 2026.



Lawatan YAB Timbalan Perdana Menteri Ke KLC3 Dan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan Dan Kesesakan Jalan Raya Malaysia Bilangan 2/2024 – 15 Julai 2024, Kuala Lumpur Command Control Centre (KLC3), Bukit Jalil.

YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi telah melawat Kuala Lumpur Command Control Centre (KLC3) dan mempengerusikan Mesyuarat JKMKKKJR Bil. 2/2024. Lawatan ini disertai taklimat sistem pemantauan trafik menggunakan 5,000 buah CCTV yang melibatkan kawalan trafik, banjir, tumpahan konkrit dan keselamatan bandar. Kementerian Pengangkutan terus komited dengan usaha untuk mengurangkan kesesakan melalui kerjasama strategik bersama DBKL bagi meningkatkan penggunaan pengangkutan awam.

Persidangan Keselamatan Jalan Raya Asia (CARS 2024) – 2 September 2024, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)


Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi telah merasmikan Persidangan Keselamatan Jalan Raya Asia (CARS) 2024 di PICC yang turut disertai oleh YB Menteri Pengangkutan dan YB Menteri Sumber Manusia. Persidangan selama tiga hari ini menghimpunkan kira-kira 1,000 orang peserta dari seluruh Asia bagi membincangkan isu keselamatan jalan raya dan mobiliti lestari. Malaysia komited untuk meneruskan beberapa inisiatif seperti pelaksanaan sistem brek anti-kunci (ABS) untuk motosikal mulai 2025 dan perluasan laluan bas khas, selaras dengan usaha mengurangkan kematian jalan raya, serta meningkatkan penggunaan pengangkutan awam.



Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan Dan Kesesakan Jalan Raya Bilangan 3/2024 – 11 Disember 2024, Parlimen Malaysia

Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan dan Kesesakan Jalan Raya Bil. 3/2024. Mesyuarat ini membincangkan beberapa langkah untuk mempertingkatkan keselamatan dan mengurangkan kesesakan jalan raya. Antara keputusan yang dipersetujui termasuk penambahbaikan infrastruktur pengangkutan awam di bandar utama, pemakaian wajib peranti pengehad kelajuan (Speed Limiter Device, SLD) bagi kenderaan berat, pemasangan lampu jalan di lebuh raya utama, dan penubuhan pasukan petugas khas antara negeri bagi menangani isu kesesakan.





06



Bahagian Udara

Bahagian Udara

Bahagian Udara (BU) merupakan bahagian dasar sektor di Kementerian Pengangkutan yang bertanggungjawab merancang dasar dan hala tuju industri penerbangan awam negara. BU merangkumi lima unit utama iaitu Pengangkutan Udara, Perkhidmatan Lapangan Terbang, Industri Aeroangkasa dan *Hubbing* (Pengehaban), Perkhidmatan Luar Bandar, serta Konvensyen dan Keselamatan. Sepanjang tahun 2024, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memperluas rangkaian dan meningkatkan kesalinghubungan udara negara, selain daripada memastikan perkhidmatan yang cekap dan selamat selaras dengan piawaian nasional dan antarabangsa. BU juga memainkan peranan penting dalam pembangunan dasar penyahkarbonan sektor penerbangan awam.



Majlis Menandatangani Perjanjian Operasi Antara Kerajaan Malaysia Dan Malaysia Airports Holdings Berhad – 18 Mac 2024

Kerajaan Malaysia dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah menandatangani Perjanjian Operasi (OA) baharu pada 18 Mac 2024 bagi menggantikan OA 2009. OA 2024 ini memberi hak kepada MAHB untuk mengurus, menyelenggarakan dan membangunkan 39 buah lapangan terbang, termasuk 17 STOLports sehingga 2069. Perjanjian ini memperkenalkan syarat baharu yang menyokong pelan pembangunan komersial yang lebih kompetitif, serta meningkatkan hasil Kerajaan melalui perkongsian pendapatan. Konsep subsidi bersilang dikekalkan bagi memastikan pengurusan STOLports diteruskan sebagai tanggungjawab sosial, di samping membolehkan MAHB merancang pembangunan jangka panjang secara lebih tersusun.



Majlis Menandatangani Perjanjian Perkhidmatan Udara Antara Malaysia Dan Timor-Leste – 25 Jun 2024

Majlis menandatangani Perjanjian Perkhidmatan Udara (ASA) antara Malaysia dan Timor-Leste telah diadakan pada 25 Jun 2024 semasa lawatan rasmi TYT Bendito dos Santos Freitas ke Malaysia. Perjanjian ini ditandatangani oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia dan TYT Bendito yang mewakili Menteri Pengangkutan dan Komunikasi Timor-Leste. ASA ini merupakan langkah penting dalam memperkukuh kerjasama dua hala dalam sektor penerbangan, membuka laluan perbincangan perkhidmatan udara antara Kuala Lumpur dan Dili, serta merangsang pembangunan sektor penerbangan awam Timor-Leste melalui perkongsian kepakaran teknikal.



Mesyuarat Majlis Konsultasi Penerbangan Negara Tahun 2024 – 5 September 2024

Kementerian Pengangkutan telah menganjurkan Mesyuarat Majlis Konsultasi Penerbangan Negara (NACC) yang melibatkan lebih 80 perwakilan daripada sektor awam dan swasta. Mesyuarat ini menekankan kepentingan pematuhan piawaian keselamatan ICAO (International Civil Aviation Organisation), pengukuhan pemantauan oleh CAAM, serta persiapan audit USAP-CMA. Isu kelewatan penerbangan dan pelaksanaan MACPC 2024 turut dibincangkan. NACC menjadi platform penting dalam memperkukuh kerjasama strategik dan daya saing sektor penerbangan, dan akan dianjurkan secara tahunan.



Majlis Peluncuran Pelan Hala Tuju Penyahkarbonan Sektor Penerbangan Awam Malaysia (Malaysia Aviation Decarbonisation Blueprint – MADB)

Malaysia komited mencapai sasaran karbon sifar bersih bagi sektor penerbangan antarabangsa seawal 2050, selaras dengan matlamat LTAG oleh ICAO. Oleh itu, YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan telah melancarkan Pelan Hala Tuju Penyahkarbonan Sektor Penerbangan Malaysia (MADB) pada 5 September 2024 yang menjadi panduan nasional pertama berkaitan penerbangan hijau. MADB merangkumi empat langkah utama penyahkarbonan iaitu teknologi pesawat, penambahbaikan operasi, penggunaan *Sustainable Aviation Fuel* (SAF) atau bahan api penerbangan mampan, dan pengimbangan karbon. Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh MOT telah ditubuhkan bagi memantau pelaksanaan MADB, manakala CAAM membangunkan *State Action Plan* (Pelan Tindakan Negeri) bagi menyokong inisiatif MADB. Usaha ini mencerminkan komitmen Malaysia terhadap tindakan iklim dan agenda ekonomi hijau, selaras dengan kerangka MADANI.



International Civil Aviation Organisation Air Services Negotiation Event 2024 (ICAN2024)

Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama ICAO telah menganjurkan ICAO Air Services Negotiation Event (ICAN2024) (Acara Rundingan Perkhidmatan Udara) pada 21-25 Oktober 2024 di Petaling Jaya, sebagai komitmen Malaysia terhadap pembangunan sektor penerbangan antarabangsa. Malaysia, ahli ICAO sejak 1958, telah dipilih menjadi tuan rumah atas peranan aktifnya dalam Majlis ICAO sejak 2007. ICAN2024 telah dirasmikan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan dan dihadiri oleh 704 delegasi dari 83 negara. Acara ini menjadi platform rundingan perjanjian perkhidmatan udara, termasuk pemeteraian ASA antara Malaysia dengan Eswatini dan Suriname. Seminar dan sesi meja bulat turut dianjurkan untuk membincangkan keselamatan dan liberalisasi perkhidmatan udara. Penganjuran ICAN2024 ini telah mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam arena penerbangan antarabangsa dan menyokong pembangunan sektor ini secara mampan.



Majlis Peluncuran Karnival *FLYsiswa* 2024

Majlis Peluncuran Karnival *FLYsiswa* 2024 telah diadakan pada 12 Disember 2024 sempena Karnival Pengangkutan Siswa MADANI 2024 yang disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri di UiTM Shah Alam dengan kehadiran lebih 3,500 orang pelajar. Inisiatif *FLYsiswa* merupakan program subsidi tiket penerbangan domestik bernilai RM300 yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan (MOT) sejak Ogos 2023. Program ini telah diperluas kepada pelajar institusi pendidikan di bawah KPM dan KPT mulai Oktober 2023. Sepanjang 2024, seramai 37,498 orang pelajar telah menerima manfaat ini, dengan kerjasama MAVCOM dan tiga syarikat penerbangan utama iaitu MAB, AirAsia dan Batik Air. Program ini bertujuan mengurangkan beban kewangan pelajar, serta menjamin akses mobiliti yang saksama. Semasa peluncuran karnival ini, YAB Perdana Menteri turut mengumumkan peningkatan subsidi tiket kepada RM400 bagi setiap pelajar mulai 1 Januari 2025 sebagai komitmen berterusan Kerajaan dalam memperkukuh sistem pengangkutan awam berasaskan rakyat.



Subsidi Tiket Penerbangan Dan Musim Perayaan

Kementerian Pengangkutan telah melaksanakan Inisiatif Subsidi Tiket Penerbangan Musim Perayaan bagi laluan sehalu antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Labuan sempena perayaan utama negara. Harga maksimum tiket kelas ekonomi ditetapkan pada RM499 dan Kerajaan akan menanggung perbezaan jika harga tiket melebihi jumlah tersebut.

Inisiatif ini bertujuan meringankan beban rakyat, menggalakkan perpaduan, serta menyokong aspirasi Malaysia MADANI. Sehingga akhir 2024, seramai 32,001 rakyat telah menerima manfaat, terutamanya semasa Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Kaamatan/Gawai dan Krismas. Program ini mendapat sambutan positif dan akan diteruskan, serta diperkukuh pada masa akan datang.




Pengambilalihan Perkhidmatan Udara Luar Bandar (Rural Air Services – RAS) Di Kawasan Pedalaman Sabah Dan Sarawak Oleh Kerajaan Negeri Sarawak

Pada 19 April 2023, Jemaah Menteri bersetuju secara prinsip dengan cadangan Kerajaan Negeri Sarawak untuk mengambil alih MASwings Sdn. Bhd. Namun, rundingan perjanjian baharu Perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS) dijangka tertunda kerana proses pengambilalihan masih belum dimuktamadkan.

Bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan, MAVCOM mencadangkan agar Perjanjian RAS sedia ada yang tamat pada 31 Disember 2024 dilanjutkan selama setahun hingga 31 Disember 2025. Perjanjian Interim tersebut ditandatangani pada 19 Disember 2024 dengan mengekalkan semua terma utama sedia ada.





07



Bahagian Pembangunan

Bahagian Pembangunan

Bahagian Pembangunan, Kementerian Pengangkutan bertanggungjawab untuk merancang dan mengurus pelaksanaan Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) bagi sektor pengangkutan darat, udara, dan maritim, termasuk memantau sistem maklumat projek pembangunan serta menilai keberkesanan penyelarasan dan pengawasan projek. Ia juga menyemak anggaran belanjawan pembangunan RMLT melalui Mid Term Review dan menyelaraskan isu berkaitan tanah bersama jabatan dan agensi lain. Objektif utama Bahagian ini adalah memastikan program dan projek pembangunan dilaksanakan secara bersepadu dan berkesan bagi membangunkan infrastruktur pengangkutan awam yang moden, praktikal, serta memastikan peruntukan pembangunan digunakan dengan optimum mengikut perancangan yang telah ditetapkan, selain mengurus dan memantau projek-projek pembangunan mengikut jadual.

Prestasi Perbelanjaan (DE) Tahun 2024

PERKARA	CATATAN
Peruntukan Asal : RM4,645,604,800.00 Peruntukan Dipinda : RM4,097,137,300.00 Perbelanjaan : RM4,090,326,186.05 Baki Peruntukan : RM6,811,113.95	Data sehingga 31 Disember 2024.

Projek Berstatus Siap Bagi Tahun 2024

BIL.	NAMA PROJEK	TARIKH SIAP
1.	(Baik pulih, Pengujian dan Pentauliahan Dua Puluh (20) Unit Kereta Penjana Kuasa (PGC))	21 Januari 2024



BIL.	NAMA PROJEK	TARIKH SIAP
2.	Naik Taraf <i>Instrument Landing System</i> (ILS)(Sistem Pendaratan Alatan) Usang Di Sabah Dan Sarawak (Lapangan Terbang Tawau Dan Sibu)	2 Februari 2024



BIL.	NAMA PROJEK	TARIKH SIAP
3.	Menaik Taraf Jeti Penumpang Kg. Tekek, Pulau Tioman, Pahang	26 Februari 2024



BIL.	NAMA PROJEK	TARIKH SIAP
4.	Membina Bangunan Baharu untuk JPJ Cawangan Muar, Johor	21 Mac 2024




BIL.	NAMA PROJEK	TARIKH SIAP
5.	Menaik Taraf Radar Usang Di Miri	24 Julai 2024



BIL.	NAMA PROJEK	TARIKH SIAP
6.	Projek Menaik Taraf Sistem Komunikasi Kawalan Trafik Udara Di Sarawak	10 September 2024



BIL.	NAMA PROJEK	TARIKH SIAP
7.	Perolehan Kenderaan Bagi Tugas-tugas Penguatkuasaan JPJ	30 September 2024



Pencapaian / Anugerah Yang Diterima Pada Tahun 2024

Kementerian Pengangkutan (MOT) telah menyertai Anugerah Kementerian Terbaik Pengurusan Pematuhan IBS Tahun 2024 anjuran ICU JPM. MOT telah mencalonkan Projek Pembinaan Park and Ride (Pandu dan Rantau) di Stesen Komuter Rawang, serta mengemukakan dokumen pembuktian pematuhan Pekeliling Perbendaharaan PK 1.10. Penilaian ini melibatkan semakan melalui sistem MyProjek, semakan dokumen dan lawatan tapak pada 2 September 2024 bersama wakil MOT, RAC, JKR dan kontraktor. Hasilnya, MOT diumumkan sebagai pemenang tempat kedua bagi kategori Pengurusan IBS Terbaik bagi projek melebihi RM1 bilion dalam Majlis Anugerah Pembangunan Negara 2024.



Lawatan Oleh YB Menteri Pengangkutan Dan YBhg. Dato' Ketua Setiausaha Sepanjang Tahun 2024

8 Mei
2024

Perasmian Fasa 1 Projek Pembesaran Dan Menaik Taraf Lapangan
Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Kelantan



**7 Jun
2024**

Mereka Bentuk, Mengilang, Menghantar, Menguji dan Mentaulliahkan Sepuluh (10) Set Unit Berbilang Elektrik (EMU) 6-Kereta Antara Bandar

Projek ini telah dianugerahkan kepada Syarikat CRRC Rolling Stock Center Sdn. Bhd. dengan tempoh pelaksanaan asal selama 36 bulan. Pada 7 Jun 2024, YB Menteri Pengangkutan telah merasmikan Majlis Penyerahan dua (2) set tren EMU pertama (T01 dan T02) yang berlangsung di Zhuzhou, China.



Bengkel / Kursus Yang Dianjurkan Oleh Bahagian Pembangunan Sepanjang Tahun 2024

**23-25
Ogos 2024**

Hompton by The Beach Penang

Bengkel Penyediaan Dokumen Piawaian Kontrak Dan Pengemaskinian *Standard Operating Procedure* (SOP) (Tatacara Pengendalian Piawai) Pengurusan Projek Bahagian Pembangunan, Kementerian Pengangkutan Malaysia




**14 dan 15
Februari 2024**

Bilik Latihan ICT, Bahagian
Pengurusan Maklumat,
Kementerian Pengangkutan Malaysia

Bengkel Pengenalan Sistem MyLand Kepada Jabatan/Agensi Di Bawah Kementerian/Jabatan Pengguna (KJP), Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)







08



Bahagian Pengurusan Maklumat

Bahagian Pengurusan Maklumat

Bahagian Pengurusan Maklumat, Kementerian Pengangkutan bertanggungjawab dalam merancang, menyelaraskan dan melaksanakan projek serta program ICT dan e-Kerajaan (EG) di peringkat Kementerian, termasuk memantau pelaksanaan projek ICT agensi-agensi di bawahnya. Bahagian ini turut menyediakan infrastruktur ICT yang boleh dipercayai dan selamat, membangun serta menyelenggara sistem aplikasi Kementerian, di samping melaksanakan program latihan dan pembudayaan ICT serta memberi khidmat nasihat dalam bidang berkaitan. Objektif utama adalah untuk mempertingkatkan penggunaan ICT melalui pengoperasian sistem, penyelenggaraan infrastruktur, serta pembangunan sistem aplikasi yang menyokong kecekapan operasi dan penyampaian perkhidmatan Kementerian.

Bengkel Penyelarasan Perkhidmatan *End-To-End* (E2E) Kementerian Pengangkutan (MOT) – 10 Julai 2024, Promenade Hotel Bintulu, Sarawak

Bengkel Penyelarasan Perkhidmatan *End-to-End* (E2E) (Hujung ke Hujung) MOT telah diadakan pada 10 Julai 2024 di Bintulu. Bengkel ini adalah susulan kepada keputusan Mesyuarat Ketua Pegawai Digital (CDO) Bil. 1/2024 bagi meningkatkan pencapaian perkhidmatan E2E, selaras dengan sasaran MyDIGITAL 2025. Bengkel anjuran bersama Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) MOT dan Lembaga Pelabuhan Bintulu ini melibatkan 25 orang peserta daripada pelbagai agensi. Para peserta telah membincangkan status semasa E2E, PSP, projek pendigitalan, repositori aplikasi, serta keperluan langganan perkhidmatan awan. Bengkel ini mencatat peningkatan perkhidmatan E2E daripada 871 kepada 984 (94.9%). BPM akan menyelaraskan maklumat untuk dikemukakan kepada JDN, serta merangka takwim JPICT MOT bagi pelaksanaan projek ICT.



Peserta Bengkel Penyelarasan Perkhidmatan End-To-End (E2E) Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)



Taklimat Urus Setia



Semasa Bengkel



Semasa Bengkel



Semasa Bengkel



Semasa Bengkel



Semasa Bengkel

Bengkel Pengukuhan Pasukan Keselamatan Siber Kementerian Pengangkutan – 27 Dan 28 Julai 2024, Ancasa Residences Port Dickson, Negeri Sembilan

Selaras dengan Pekeliling Am Bil. 4 Tahun 2022 oleh Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) bagi memperkukuh pengurusan keselamatan siber sektor awam, BPM telah menganjurkan Bengkel Pengukuhan Pasukan Keselamatan Siber MOT pada 27 dan 28 Julai 2024 di Port Dickson. Bengkel ini bertujuan menyelaraskan strategi pengoperasian ICT, menilai inisiatif semasa selaras dengan PSP MOT 2021–2025, serta memperkukuh kerjasama antara unit di BPM. Seramai 23 orang peserta telah dibahagikan kepada tiga kumpulan mengikut unit. Hasil bengkel telah dimanfaatkan dalam pelaksanaan aktiviti tahun 2024 dan penyelarasan tugas untuk perancangan 2025.



Peserta Bengkel Pengukuhan Pasukan Keselamatan Siber
(PKS) Kementerian Pengangkutan



Ucapan oleh SUB (PM)



Perbincangan Kumpulan



Taklimat Urus Setia



Perbincangan Kumpulan



Perbincangan Kumpulan

Mesyuarat Penyelarasan *Cyber Security Incident Response Team (CSIRT)* Bersama Jabatan Dan Agensi Di Bawah Kementerian Pengangkutan Bilangan 1 Tahun 2024 – 26 September 2024, Hotel Sama-Sama, Sepang, Selangor

Mesyuarat Pasukan Tindak Balas Insiden Keselamatan Siber (CSIRT) telah diadakan bagi memperkukuh kesiapsiagaan, koordinasi dan keberkesanan BPM dalam menangani insiden keselamatan siber di peringkat MOT dan agensi di bawahnya. Mesyuarat yang dirasmikan oleh Puan Hajjah Norizan binti Muhammad ini melibatkan 30 orang peserta dan dikendalikan oleh Unit Operasi dan Keselamatan ICT, BPM MOT. Perbincangan tertumpu kepada penilaian ancaman semasa, insiden terdahulu, penyelarasan peranan ahli, serta perkongsian amalan terbaik. Mesyuarat ini turut mencadangkan penambahbaikan kawalan sedia ada dan menyeru semua pihak supaya kekal berwaspada, serta patuh kepada garis panduan keselamatan siber yang ditetapkan.




Ahli Mesyuarat Penyelarasan Cyber Security Incident Response Team (CSIRT) MOT Bersama Jabatan Dan Agensi Di Bawah Kementerian Pengangkutan



Sesi Perkongsian Maklumat

Sistem Acara Dilengkapi Kod QR Meringankan Beban Petugas Pendaftaran

Kementerian Pengangkutan telah menggunakan Sistem Acara yang dilengkapi kod QR semasa penganjuran ICAN2024, Mesyuarat Menteri Pengangkutan ASEAN ke-30 (ATM) dan STOM ke-58 bagi meningkatkan kecekapan pendaftaran peserta, serta menyelaraskan logistik dan kehadiran delegasi. Sistem ini berjaya mengurangkan kebergantungan kepada borang fizikal, mempermudah urusan secara masa nyata, dan menyokong agenda pendigitalan Kementerian. Inisiatif ini bukan sahaja memperkemas pengendalian acara rasmi, malah memberi peluang kepada pasukan pembangunan sistem untuk mengukuh kemahiran teknikal secara praktikal, sekali gus bersedia menyokong acara berskala lebih besar pada masa hadapan.



Tangkap Layar Sistem – Statistik Pendaftaran Lawatan Kebudayaan (ICAN2024)



Peserta lawatan kebudayaan ke Kompleks Kraf Kuala Lumpur bergambar kenangan bersama Pegawai Sekretariat.



Gambar kenangan di meja pendaftaran acara ATM ke-30 dan STOM ke-58

Merealisasikan Pembangunan Sistem Pemantauan Inisiatif (SPIM) Di Bahagian Pengurusan Maklumat, Kementerian Pengangkutan.

Susulan keputusan *Retreat* MOT 2023, BPM telah membangunkan Sistem Pemantauan Inisiatif MOT (SPIM) secara dalaman bagi memantau pencapaian inisiatif strategik secara berpusat dan berkala. Dibangunkan dalam tempoh tiga bulan bermula 2 Januari 2024 oleh tiga pegawai ICT BPM, SPIM berdepan pelbagai cabaran, termasuk keperluan pembangunan dalam masa singkat dan kekangan sumber. Namun, hasil kerjasama erat antara pembangun dan pengguna membolehkan sistem ini disiapkan dan diguna pakai semasa sesi *Retreat* MOT pada Disember 2024. SPIM telah mempertingkatkan kecekapan pelaporan inisiatif, menyokong tadbir urus berasaskan data, serta membuktikan keupayaan pegawai membangunkan sistem tanpa bergantung kepada pembekal luar.



Peserta sesi pembentangan sedang memberi maklum balas mengenai status pencapaian inisiatif menggunakan sistem.




Pembentangan oleh Ketua Setiausaha mengenai statistik pencapaian inisiatif MOT sepanjang tahun 2024.

Pendigitalan Permohonan Perjalanan Ke Luar Negara (SPKN) Bagi Urusan Rasmi Dan Persendirian

Semasa Mesyuarat Pengurusan Tertinggi MOT, Ketua Setiausaha Kementerian, Dato' Jana Santhiran Muniayan telah memaklumkan peluasan penggunaan Sistem Permohonan Perjalanan ke Luar Negara (SPKN) kepada semua jabatan dan agensi di bawah MOT bermula 9 Disember 2024. Inisiatif ini bertujuan mempercepat dan menyelaraskan proses permohonan perjalanan rasmi dan peribadi secara lebih sistematik, selain daripada mengurangkan pemprosesan manual, serta meningkatkan tahap pemantauan dan kawal selia. Langkah ini juga menyokong pendigitalan bersepadu Kementerian, serta memberi manfaat kepada semua pengguna. Sistem ini akan dipastikan kekal relevan melalui penambahbaikan berterusan selaras dengan keperluan semasa.







09



Unit Audit Dalam

Unit Audit Dalam

Unit Audit Dalam (UAD) Kementerian Pengangkutan telah ditubuhkan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1 sebagai komponen kawalan dalaman yang menjalankan pengauditan secara bebas dan melaporkan terus kepada Ketua Setiausaha Kementerian. UAD diketuai oleh Ketua Audit Dalam Gred W14 dan dibantu oleh 20 orang pegawai pelbagai gred yang bertanggungjawab melaksanakan audit ke atas Kementerian, termasuk jabatan dan agensi di bawahnya.

Pengauditan Pengurusan Kewangan

Sepanjang tahun 2024, UAD telah melaksanakan tiga pengauditan pengurusan kewangan melibatkan JPJ Negeri Kelantan, Jabatan Laut Wilayah Persekutuan Labuan dan LPKP Sabah. Audit ini bertujuan menilai tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan, keberkesanan kawalan dalaman, serta pengurusan rekod dan dokumen yang kemas kini dan teratur.



Pengurusan ICT Di Jabatan Laut Malaysia

Satu pengauditan ICT melibatkan Pengurusan ICT di Jabatan Laut Malaysia (JLM) telah berlangsung dari 13 Mei hingga 30 Julai 2024. Audit ini bertujuan memastikan kawalan pengurusan, kemudahan dan aset ICT dilaksanakan secara berkesan, serta mematuhi garis panduan dan peraturan yang ditetapkan. Selain itu, audit ini memastikan rekod pengurusan ICT diselenggarakan dengan lengkap dan dikemas kini. Lokasi pengauditan merangkumi Ibu Pejabat JLM, JLM Wilayah Tengah dan beberapa buah pejabat negeri.



Pengauditan Prestasi

UAD turut melaksanakan dua Pengauditan Prestasi iaitu ke atas Pengurusan Geran Penyelenggaraan dan Pemeliharaan Aset Operasi Trafik Udara oleh CAAM, serta Pengurusan Terimaan Hasil JPJ melalui PUSPAKOM. Pengauditan ini bertujuan menilai kecekapan pelaksanaan program, serta pematuhan terhadap peraturan kewangan dan perjanjian yang berkuat kuasa bagi memastikan penggunaan sumber kewangan yang berhemat dan pencapaian objektif program secara optimum.



Pengauditan Pematuhan

UAD telah melaksanakan enam (6) Pengauditan Pematuhan terhadap perolehan, perbelanjaan dan aset alih yang melibatkan jabatan dan agensi berikut: (i) Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD); (ii) Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Pulau Pinang; (iii) JPJ Negeri Pahang; (iv) Jabatan Laut Malaysia (JLM) Wilayah Sabah; (v) JLM Wilayah Selatan; dan (vi) pengurusan terimaan dan perbelanjaan Dana Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut (KWPPPL). Pengauditan ini bertujuan memastikan setiap urus niaga mematuhi tatacara kewangan yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia dan dilaksanakan secara cekap serta berintegriti. Pemerhatian audit yang dikenal pasti telah dikemukakan kepada Ketua-ketua Jabatan/Agensi terlibat dan disalin kepada Ketua Setiausaha MOT, serta dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) Peringkat Kementerian.



Pemeriksaan Mengejut


Pelaksanaan Pemeriksaan Mengejut ke atas satu (1) Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan sebelas (11) Pusat Kos (PK) telah diadakan bagi menilai tahap pengurusan kewangan dan keberkesanan kawalan dalaman yang dilaksanakan. Pemeriksaan ini melibatkan Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia (APJM), satu (1) pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), empat (4) pejabat JPJ UTC, lima (5) pejabat Jabatan Laut Malaysia dan satu (1) pejabat di bawah Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD). Pelaksanaan pemeriksaan ini bertujuan memastikan pengurusan hasil, perbelanjaan, aset dan rekod kewangan dilaksanakan secara berhemah, teratur dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.



Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan (SAA) - iAREF

Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan merupakan kaedah semakan dalam talian bagi menilai tahap pematuhan Pusat Tanggungjawab (PTJ) terhadap peraturan kewangan dan garis panduan semasa. Pada tahun 2024, pengesahan melalui Sistem Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan (SPKPK) telah dilaksanakan terhadap 52 buah Pusat Kos (PK) di bawah JPJ, JLM dan APAD. Keputusan keseluruhan penilaian menunjukkan prestasi pada tahap Cemerlang dan Baik. Namun begitu, penilaian kendiri ke atas 24 PTJ yang dirancang bagi tahun 2024 telah ditangguhkan ke tahun 2025 disebabkan oleh isu teknikal sistem sedia ada. Penilaian tersebut akan dilaksanakan semula menggunakan sistem baharu iaitu iAref.





10



Unit Integriti

Laporan Tahunan 2024

Kementerian Pengangkutan Malaysia

Unit Integriti (UI)

Unit Integriti (UI) telah ditubuhkan pada Mei 2014 selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 dan bertanggungjawab secara langsung kepada Ketua Setiausaha Kementerian. Penubuhan UI merupakan salah satu mekanisme kawalan dalaman bagi memperkukuh tadbir urus dan memastikan budaya integriti sentiasa diamalkan dalam organisasi. Unit ini melaksanakan enam (6) fungsi teras iaitu tadbir urus, pengukuhan integriti, pengesanan dan pengesahan salah laku, pengurusan aduan, pemantauan pematuhan, dan pengurusan tatatertib sebagai urus setia Lembaga Tatatertib. Objektif penubuhan UI adalah untuk memastikan warga Kementerian mengamalkan budaya kerja berintegriti tinggi, beretika, serta mempunyai semangat patriotisme yang kukuh. UI turut bertanggungjawab membendung sebarang bentuk salah laku jenayah dan pelanggaran tatakelakuan dalam kalangan penjawat awam.



Pembacaan Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam Oleh YBr. Ketua Unit Integriti MOT Semasa Perhimpunan Bulanan MOT – 12 Januari 2024, Dewan Serbaguna MOT


Pembacaan Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam telah disempurnakan oleh YBr. Ketua Unit Integriti MOT semasa Perhimpunan Bulanan MOT yang turut dihadiri oleh YB Menteri, serta barisan Pengurusan Tertinggi Kementerian. Program ini merupakan salah satu inisiatif hebahan berterusan bagi memupuk kesedaran dan penghayatan terhadap nilai integriti dalam kalangan warga kerja MOT, termasuk jabatan dan agensi di bawahnya. Ikrar ini bertujuan memastikan setiap penjawat awam lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas, serta menolak sebarang bentuk rasuah, ketirisan dan salah guna kuasa sepanjang tempoh perkhidmatan.



Penyampaian Sijil Pengiktirafan Projek Pensijilan MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS) Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)

Majlis Penyampaian Sijil Pengiktirafan Projek Pensijilan MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management System* (ABMS) (Sistem Pengurusan Anti Rasuah) bagi Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah diadakan susulan penganugerahan pensijilan oleh badan bertauliah, NIOSH Certification Sdn. Bhd., yang berkuat kuasa pada 18 Disember 2023. Unit Integriti MOT sebagai urus setia dan penyelaras projek bersama tiga bahagian lain iaitu Bahagian Perolehan dan Kewangan, Bahagian Maritim dan Bahagian Pembangunan telah menunjukkan komitmen tinggi dalam merealisasikan pensijilan ini. Pencapaian ini melambangkan usaha berterusan MOT dalam memperkukuh tadbir urus, menghindari rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan, dan meningkatkan keyakinan terhadap integriti sistem penyampaian perkhidmatan awam Kementerian.





11



Pengurusan Sumber Manusia

Laporan Tahunan 2024
Kementerian Pengangkutan Malaysia

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), di bawah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), terdiri daripada empat unit utama iaitu Unit Pembangunan Organisasi, Unit Perkhidmatan, Unit Pembangunan Kerjaya, dan Unit Psikologi. Unit Perkhidmatan mengurus personel, perkhidmatan, dan analisis keperluan tenaga kerja secara menyeluruh. Unit Pembangunan Organisasi bertanggungjawab mengukuhkan perjawatan, kajian skim dan elaun, serta pengurusan sistem HRMIS MOT. Unit Pembangunan Kerjaya pula memfokuskan kepada pembangunan kompetensi, kenaikan pangkat, sahsiah, dan pengurusan pengiktirafan. Unit Psikologi pula menyediakan khidmat rundingan psikologi dan kaunseling. Selain mengurus keperluan sumber manusia MOT, BPSM juga memantau dan membantu memenuhi keperluan sumber manusia organisasi, jabatan, dan agensi di bawah MOT.

Pengasingan Sistem Saraan Badan Berkanun Persekutuan (BBP) Di Bawah MOT

Kajian pengasingan sistem saraan Badan Berkanun Persekutuan (BBP) di bawah MOT bertujuan merasionalisasikan agensi bagi meningkatkan keberkesanan dan mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan. BPSM dipertanggungjawabkan untuk menilai potensi pengasingan saraan ke status BBDS atau BBDSB, bermula dengan Lembaga Pelabuhan Johor dan Bintulu yang telah beralih status.

BPSM, bersama Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa (BPSA), terlibat dalam penyediaan Memorandum Jemaah Menteri dan pembentukan Sistem Saraan Lembaga Pelabuhan Kelang (SSLPK) untuk memastikan bahawa sistem saraan baru adalah selaras dengan kemampuan kewangan dan prinsip tidak kurang memuaskan (not less favourable).

Pelaksanaan HRMIS

HRMIS ialah sistem integrasi pengurusan sumber manusia yang menyediakan data terkini dan menyeluruh untuk memudahkan perancangan strategik. Bagi memastikan pencapaian sasaran modul sumber manusia, serta mengukuhkan kemahiran digital, BPSM sebagai Pentadbir HRMIS Kementerian telah mengadakan beberapa sesi penglibatan bersama pentadbir HRMIS dari pelbagai bahagian, jabatan, dan agensi. Jadual di bawah menyenaraikan aktiviti yang dijalankan dalam kalangan pentadbir HRMIS.

BIL.	AKTIVITI	PENGLIBATAN	TEMPOH
Sesi Mesyuarat			
1.	Mesyuarat Kerja Pasukan Jaguh HRMIS Kementerian Pengangkutan Bilangan 1 Tahun 2024	Jabatan dan Agensi	4 - 6 Februari 2024
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan HRMIS Kementerian Pengangkutan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2024	MOT, Jabatan dan Agensi	4 Julai 2024
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan HRMIS Kementerian Pengangkutan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2024	MOT, Jabatan dan Agensi	14 November 2024
Sesi Bengkel			
1.	Bengkel Pembangunan Sumber Manusia Tahun 2024, Kementerian Pengangkutan – Modul Cuti	Bahagian dan Unit di MOT	4 Julai 2024
2.	Sesi Semakan HRMIS Bagi Tujuan Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)	Bahagian dan Unit di MOT	10 - 13 September 2024
3.	Bengkel Jaguh HRMIS MOT 2024 – Modul MyPerformance: Kompetensi Fungsian (KF)	Bahagian dan Unit di MOT	11 - 12 November 2024
4.	Bengkel Jaguh HRMIS MOT 2024 – Modul MyPerformance: Kompetensi Fungsian (KF)	Jabatan dan Agensi	14 November 2024
Sesi Libat Urus HRMIS			
1.	Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)	MOT dan agensi berkaitan	19 Januari 2024
2.	Ibu Pejabat Jabatan Laut Malaysia	MOT dan Jabatan berkaitan	22 April 2024
3.	Jabatan Laut Malaysia Sarawak	MOT dan Jabatan berkaitan	27 November 2024
4.	Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak.	MOT dan Jabatan berkaitan	28 November 2024

Human Resource Managers' Dialogue (HRMD)

Human Resource Managers' Dialogue (HRMD) (Dialog Pengurus-pengurus Sumber Manusia) Kementerian Pengangkutan 2024 telah diadakan pada 16 hingga 18 Mei 2024 di Hotel Waterfront, Kuching, Sarawak dengan penyertaan seramai 44 orang Pengurus Sumber Manusia di jabatan dan agensi di bawah MOT.

Program ini menjadi platform perkongsian maklumat, amalan terbaik dan penyelesaian isu pengurusan sumber manusia antara Kementerian dan agensi pelaksana. Program ini turut merangkumi sesi mesyuarat, dialog, pembentangan dan taklimat daripada JPA dan Kementerian bagi menjelaskan pelaksanaan dasar baharu di peringkat jabatan dan agensi.



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2023 Dan Jasamu Dikenang 2024



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2023 dan Jasamu Dikenang 2024 Kementerian Pengangkutan telah diadakan pada 7 Mac 2024 di Bangi Avenue Convention Centre, Selangor dengan kerjasama RAC dan LPKtn. Majlis yang disempurnakan oleh YB Menteri Pengangkutan ini meraikan 48 orang penerima APC, 6 orang pesara tahun 2024 dan 2 orang penerima Anugerah Khas MOT 2023.



Sesi Penyerahan Dan Tanda Tangan Opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) Warga Kementerian Pengangkutan

Kerajaan telah memperkenalkan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) sebagai usaha memperbaharui sistem perkhidmatan awam melalui peningkatan produktiviti, penyesuaian pendapatan dengan kos sara hidup, serta memastikan kemampanan fiskal negara.

Selaras dengan pelaksanaannya, BPSM telah menganjurkan Sesi Penyerahan dan Tanda Tangan Opsyen SSPA yang melibatkan 336 orang (77.78%) pegawai MOT, termasuklah pengurusan tertinggi pada 21 Oktober 2024 di Dewan Serbaguna MOT. Sesi susulan telah diadakan di Bilik Harmoni dan MOT berjaya mencapai 100% penerimaan opsyen oleh semua pegawai.



Peluncuran Program Gaya Hidup Aktif Di Bawah Inisiatif Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) Tahun 2024 Peringkat Kementerian Pengangkutan

BPSM, sebagai *focal point* (tumpuan perhatian) PSS peringkat MOT, telah melaksanakan fasa rintis program ini bermula 2024, dengan tumpuan kepada gaya hidup sihat penjawat awam. Pada 4 September 2024, MOT menganjurkan peluncuran Program Gaya Hidup Aktif di bawah ANMS yang disempurnakan oleh YB Menteri yang melibatkan senamrobik, kayuhan basikal dan penyampaian hadiah Cabaran Langkah Sihat.



Program Pembangunan Personel

Sepanjang tahun 2024, Unit Pengurusan Psikologi, BPSM telah menganjurkan empat program pembangunan personel yang melibatkan 2,006 orang warga MOT dan jabatan bagi memupuk nilai positif, etika kerja dan kesejahteraan psikologi. Antara aktiviti dalam program tersebut ialah Bicara Psikologi Siri 1 dan 2, *Psych Fun* (Keseronokan Psikologi) MOT (15-16 Mei 2024) yang melibatkan 47 orang peserta melalui cabaran psikologi di sepanjang laluan MRT Kuala Lumpur, serta *Psych Day* (Hari Psikologi) MOT (1-2 Oktober 2024) di MOT yang menghimpunkan 112 orang peserta bagi meningkatkan kesedaran tentang kesihatan mental dan kesejahteraan psikologi.



Program Pementoran Kementerian Pengangkutan

Pada 18 hingga 19 Mac 2024, Program *Training of Trainer* (TOT) (Melatih Pelatih) Pementoran MOT telah dilaksanakan secara fizikal di Bilik Bestari. Program ini melibatkan 8 orang mentor dan 8 orang mentee dalam kalangan pegawai Kumpulan Pengurusan Profesional. Program ini bertujuan menyokong perkembangan kerjaya mentee yang baharu bertukar masuk ke MOT sepanjang tahun 2023 melalui pemindahan pengetahuan dan bimbingan oleh mentor terlatih.




Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)

Sepanjang tahun 2024, Kementerian Pengangkutan bersama jabatan dan agensi di bawahnya telah melaksanakan empat kursus AKRAB yang melibatkan seramai 69 orang ahli baharu yang ditauliahkan. Kursus-kursus tersebut termasuklah Kursus Pemantapan AKRAB (4-6 Jun), PRA AKRAB Siri 1 (24-27 Jun), PASCA AKRAB (9-10 Julai), dan PRA AKRAB Siri 2 (30-31 Julai). Kursus-kursus ini bertujuan memperkasa peranan AKRAB dalam menyokong kesejahteraan pegawai, membina sahsiah positif serta mengurus konflik dan tekanan dalam organisasi.

Kajian Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia Dan Indeks Keterlibatan Penjawat Awam

Seramai 5,291 orang responden dalam Kementerian, serta jabatan dan agensi di bawahnya telah menyertai Kajian Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia (IKPM) Perkhidmatan Awam pada 1-30 Oktober 2024. Kajian ini mencatatkan skor komposit 7.80 iaitu pada tahap sederhana. Namun, skor ini menunjukkan peningkatan positif berbanding tahun sebelumnya. Usaha memperkukuh kesejahteraan psikologi warga Perkhidmatan Awam wajar diteruskan bagi memastikan kemajuan yang lebih konsisten.





12



Bahagian Khidmat Pengurusan

Laporan Tahunan 2024
Kementerian Pengangkutan Malaysia

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)

Unit Keselamatan, Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) terdiri daripada pegawai kader Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO). Unit ini berperanan melaksanakan tugas berkaitan keselamatan perlindungan, selaras dengan Arahan Keselamatan (Semakan & Pindaan 2017). Tanggungjawab utama BKP adalah untuk memastikan bahawa keselamatan fizikal bangunan dan dokumen sentiasa terpelihara, selain menganjurkan kursus dan latihan keselamatan bagi meningkatkan tahap keselamatan perlindungan di Kementerian.

Kursus Pertolongan Cemas (BOFA) – *Basic Occupational First Aid, CPR And AED Certification Program* – 14 Dan 15 Mei 2024, Dewan Serbaguna MOT

Kursus ini melibatkan penyertaan seramai 30 orang peserta. Kursus ini bertujuan memberikan pendedahan asas pertolongan cemas bagi membolehkan pegawai mengambil tindakan awal secara berkesan sekiranya berlaku insiden kecemasan sebelum ketibaan bantuan perubatan.



Kursus Kebakaran Dan Pengungsian Bangunan Kementerian Pengangkutan Malaysia – 7 Hingga 9 Jun 2024, Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Tengah, Kuala Kubu Bharu



Kursus ini telah berlangsung di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Tengah, Kuala Kubu Bharu dengan penyertaan seramai 35 orang peserta. Program ini bertujuan mendedahkan warga Kementerian kepada prosedur dan langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya berlaku situasi kecemasan atau insiden kebakaran, selaras dengan usaha memperkukuh tahap kesiapsiagaan dan keselamatan di tempat kerja.



Kursus Penyelaras Keselamatan Kesihatan Pekerjaan (OSH – Coordinator) – 23 Hingga 25 Julai 2024, Everly Hotel Putrajaya

Kursus ini telah berlangsung di Hotel Everly Putrajaya dengan penyertaan seramai 35 orang peserta yang dianjurkan khusus untuk pasukan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Kementerian. Program ini bertujuan memantapkan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam memastikan kesejahteraan warga kerja melalui pencegahan risiko kemalangan, serta pengurusan penyakit berkaitan persekitaran pekerjaan, selaras dengan usaha memperkukuh budaya kerja selamat dan sihat.



Bengkel Penyediaan Pelan Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan Kementerian Pengangkutan Malaysia – 10 Dan 11 September 2024 Di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM), Bandar Baru Enstek,

Bengkel Penyediaan Pelan Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan Kementerian Pengangkutan Malaysia telah diadakan pada 10 dan 11 September 2024 di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM), Bandar Baru Enstek dan disertai oleh 35 orang peserta. Bengkel ini bertujuan mendedahkan wakil setiap bahagian kepada keperluan menyediakan pelan pengurusan kesinambungan perkhidmatan yang komprehensif, terkini dan fleksibel. Pelan ini perlu dinilai dan diuji secara berkala, serta disokong oleh pegawai awam yang kompeten bagi memastikan pemulihan perkhidmatan secara efisien sekiranya berlaku gangguan operasi.



LATAR BELAKANG – ARKIB NEGARA MALAYSIA (ANM)

Jawatan Kader Pegawai Arkib di Kementerian Pengangkutan (MOT) telah diwujudkan pada tahun 2013. MOT juga merupakan antara kementerian terawal yang mengaplikasikan sistem Pengurusan Rekod Elektronik (DDMS) pada 8 Oktober 2015. Langkah-langkah ini memperkukuh keupayaan MOT dalam mentadbir urus rekod secara digital dan bersepadu.

Fungsi utama bahagian ini adalah merancang, mengurus dan melaksanakan tadbir urus rekod di MOT dan agensinya mengikut akta, pekeliling dan garis panduan yang berkuat kuasa. Bagi menyokong pelaksanaan fungsi ini, bahagian ini disokong oleh lapan perjawatan utama, termasuk Pegawai Arkib, Pembantu Tadbir, Pembantu Operasi dan Pembantu Awam.

BIL.	PROGRAM/ AKTIVITI	PENCAPAIAN 2024
1.	Khidmat Konsultasi dan Latihan Pengurusan Rekod (Lawatan/ Taklimat/ Khidmat Nasihat/ Kursus)	1) 85 jumlah khidmat nasihat (panggilan telefon, WhatsApp, e-mel dan jumpa terus (<i>walk-in</i>)) 2) Khidmat nasihat berkaitan tatacara pelupusan rekod Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) di Pusat Rekod Swasta, Regalia Records Management Sdn. Bhd. 3) Taklimat Pengklasifikasian Fail Dan Pengurusan <i>Digital Document Management System 2.0</i> (DDMS) (Sistem Pengurusan Dokumen Digital) di Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) yang diadakan pada 19 Disember 2024 dengan kehadiran 30 orang peserta.
2.	Pembangunan Klasifikasi Fail (KF)	Sepanjang tahun 2024, Kader hanya membantu dan memudahkan cara SPRE dalam pembangunan KF Jabatan dan Agensi di bawah MOT: Bengkel KF: 1) Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)
3.	Pembangunan Jadual Pelupusan Rekod (JPR) (i) Jumlah Bengkel JPR Dikendalikan (ii) Jumlah JPR Dibangunkan	Tiada
4.	Pelaksanaan DDMS 2.0 (i) Jumlah Pengguna (ii) Jumlah Rekod Ditawan	Jumlah pengguna: 1,028 Jumlah rekod ditawan: 20,027
5.	Aktiviti Pelupusan Rekod	
5.1.	Permohonan Pelupusan Rekod (i) Jumlah Permohonan (ii) Jumlah Rekod Dinilai	Jumlah permohonan: Lima (5) - Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat - Bahagian Akaun - Bahagian Udara - Unit Penasihat Undang-undang Jumlah Rekod dinilai: Pelupusan berdasarkan JPR AM & JPR Fungsian MOT


BIL.	PROGRAM/ AKTIVITI	PENCAPAIAN 2024
5.2.	Pemindahan Rekod Ke ANM (i) Jumlah Rekod Fail Dipindahkan (Bilangan Unit & Meter Panjang) (ii) Jumlah Rekod Bukan Fail Dipindahkan (Bilangan Unit & Meter Panjang)	Jumlah rekod fail dipindahkan: Tiada Jumlah rekod bukan fail dipindahkan: Tiada
5.3.	Pemusnahan Rekod (i) Jumlah Rekod Dimusnahkan (Bilangan Rekod) & Kaedah Pemusnahan (ii) Jumlah Ruang Dilegakan (Meter Panjang)	Jumlah rekod dimusnahkan: 2796 unit, dirincih Jumlah kelegaan ruang: 111.26 mp
6.	Inspektorat Pengurusan Rekod Jumlah Lawatan/Jabatan	Jumlah inspektorat dalaman MOT: 2 Sesi Naziran di Bahagian MOT Jumlah inspektorat Jabatan/Agensi di bawah MOT: Tiada
7.	Program/Aktiviti Pentadbiran Arkib & Pengembangan dan Advokasi Nyatakan program/aktiviti seperti pameran, penyerahan Surat Persendirian dan sebagainya.	Tiada




Pelupusan MOT



Regalia



Taklimat DDS



13



Pusat Logistik Negara

Laporan Tahunan 2024
Kementerian Pengangkutan Malaysia

Pusat Logistik Negara (PLN)

Pusat Logistik Negara (PLN) telah ditubuhkan pada 1 Julai 2024 di bawah Kementerian Pengangkutan bagi memperkukuh tadbir urus sektor logistik yang kompleks dan teknikal. PLN bertanggungjawab merancang, membangun dan memperkasa sektor logistik negara sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi, serta mempermudah sistem perdagangan yang lebih berdaya saing dan efisien di sepanjang rantai bekalan negara.



Mesyuarat Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan

Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan (NLTF) yang dipengerusikan oleh Menteri Pengangkutan bertindak sebagai platform kerjasama antara Kerajaan dan industri dalam pembangunan sektor logistik dan pengangkutan. Mesyuarat yang diadakan pada 17 Mei dan 25 November 2024 bertujuan membincangkan beberapa isu utama seperti kesesakan di Pelabuhan Klang dan pergerakan kenderaan pengangkut yang melebihi Berat Gabungan Kenderaan (BGK), serta merangka penyelesaian strategik bersama pihak berkepentingan.



Pengaktifan Semula *Malaysia Cruise Council* Untuk Pemetaan Hala Tuju Industri Kapal Persiaran Negara – 29 Julai 2024

Malaysia Cruise Council (MCC)(Majlis Pelayaran Malaysia) yang ditubuhkan pada April 2011 oleh MOTAC telah diaktifkan semula oleh Kementerian Pengangkutan. Mesyuarat pertama MCC telah diadakan pada 29 Julai 2024 yang dipengerusikan bersama oleh YB Menteri Pengangkutan dan YB Menteri Pelancongan.

Tujuan pengaktifan semula MCC adalah untuk merangka hala tuju industri kapal persiaran negara, susulan peningkatan ketibaan pelancong melalui kapal persiaran yang mencecah 1.5 juta orang pada 2023. MCC juga berperanan menjalin kerjasama strategik antara Kerajaan dan sektor swasta untuk membangunkan Malaysia sebagai *home port* atau pelabuhan pusat, sekali gus merangsang sektor pelancongan dan logistik. Malaysia turut menyatakan hasrat untuk menjadi tuan rumah Seatrade Cruise Asia 2026 sebagai usaha mempromosi negara sebagai destinasi utama kapal persiaran di rantau ini.



Pengoperasian Asean Framework Agreement On The Facilitation Of Goods In Transit Di Malaysia

Pengoperasian *ASEAN Framework Agreement on the Facilitation of Goods in Transit* (AFAFGIT) (Rangka Kerja Perjanjian Pemudahcaraan Barangan Dalam Transit) telah bermula di Semenanjung Malaysia pada 1 Januari 2024 yang bertujuan memudahkan pergerakan barangan merentas sempadan negara-negara dalam ASEAN. Kementerian Pengangkutan turut mewartakan peraturan subsidiari untuk menyokong pelaksanaan AFAFGIT ini,

termasuklah pengeluaran permit AGVCB oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).

Permohonan permit dibuka secara dalam talian melalui sistem iSPKP, manakala pengendali disarankan mendaftar dalam *ASEAN Customs Transit System* (ACTS) (Sistem Transit Kastam) untuk mempercepat pelepasan kastam. Pelaksanaan AFAFGIT dijangka akan memperkukuh rantai bekalan dan meningkatkan daya saing industri logistik negara.



Program Logistics Human Resource Development: Intensive Course On Logistics Operation And Networking Siri Kedua

Program *Logistics Human Resource Development: Intensive Course on Logistics Operation and Networking* (Pembangunan Sumber Manusia Logistik: Kursus Intensif Operasi dan Rangkaian Logistik) Siri Kedua telah diadakan pada 7–11 Oktober 2024 di POLISAS, Pahang, susulan Siri Pertama di Politeknik Seberang Perai. Kerjasama antara PLN, JPPKK, Kementerian Tanah, Infrastruktur dan Pengangkutan Jepun (Ministry of Land, Infrastructure and Transport Japan, MILT) dan Sagawa Group Holdings Japan (SGH) ini dirasmikan oleh YBrs. Dr. Kanageswary Selvakumaran. Program ini melibatkan latihan teori serta praktikal bersama 150 orang pelajar Diploma Pengurusan Logistik sebagai persediaan kerjaya. Program ini juga mencerminkan kerjasama erat antara Malaysia dan Jepun dalam memperkukuh industri logistik ASEAN melalui *ASEAN-Japan Expert Group Meeting on Logistics (AJEGML)* (Mesyuarat Kumpulan Pakar ASEAN-Jepun mengenai Logistik).

Pameran Malaysia Maritime Single Window Semasa Pelancaran National Ai Office (NAIO)

MOT bersama Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) dan Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. telah mengadakan pameran dan demonstrasi sistem *Malaysia Maritime Single Window* (MMSW) (Tetingkap Tunggal Maritim Malaysia) semasa pelancaran *National Ai Office* (NAIO) (Pejabat AI Kebangsaan) pada 12 Disember 2024 di MITEC. Pameran ini bertujuan memperkenalkan MMSW kepada masyarakat umum, serta memberi pendedahan mengenai pendigitalan sektor maritim dan logistik negara. Melalui acara ini, MOT berpeluang menerangkan fungsi dan manfaat MMSW kepada industri dan agensi kerajaan, sejajar dengan agenda pendigitalan nasional dan usaha memperkukuh daya saing sektor logistik maritim Malaysia di peringkat serantau, sekali gus mencerminkan komitmen MOT dalam menyokong teknologi dan inovasi sektor logistik dan pengangkutan.

